

Kekal Semangat Kejiranan Demi Kestabilan Dan Keamanan Negara - Rais Bernama
8 April, 2013

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Semangat kejiranan antara pelbagai lapisan masyarakat perlu dikekalkan walaupun pelbagai perubahan berlaku demi mengekalkan kestabilan dan keamanan negara, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata semangat ini melambangkan semangat kekitaan di bawah slogan 1Malaysia yang mampu mencetus rasa kasih sayang dan hormat-menghormati sesama sendiri.

"Negara maju dari segi teknologi, hiburan serta politik yang sedikit sebanyak menghakis nilai-nilai amalan murni dalam kalangan masyarakat.

"Semua kaum perlu menyemai semangat ini, baru ada rasa kekitaan serta kejiwaan yang mana penting bagi kita untuk bersatu dan terus bersatu di bumi Malaysia yang bertuah ini," katanya dalam ucapan perasmian program Kenali Jiran Kita Parlimen Pandan di sini malam ini.

Turut hadir isteri Rais, Datin Seri Masnah Rais dan timbalannya Datuk Joseph Salang serta Ketua Setiausaha kementerian Datuk Seri Kamaruddin Siaraf.

Sambil memberi contoh kehidupan masyarakat 30 tahun lepas yang sangat kuat semangat kejiranan, Rais berkata rakyat perlu belajar daripada kehidupan masyarakat dahulu yang sentiasa mengambil berat sesama jiran tetangga.

"Dulu jika ada anak jiran dapat melanjutkan pelajaran di luar negara, pasti ada majlis doa selamat bagi mendoakan anak ini belajar dengan baik dan pulang menjadi orang yang berbakti kepada agama, bangsa dan negara," katanya.

Rais berkata walaupun terdapat perbezaan politik, namun jangan jadikan ia sebagai penyebab kepada perpecahan malah perlu sentiasa hormat-menghormati sesama jiran.

"Jangan benci-membenci sesama kita, kena tolong-menolong dan sentiasa berdoa agar Allah bagi petunjuk, satukan semua rakyat dan elakkan perpecahan sesama kita," katanya di hadapan kira-kira 5,000 masyarakat setempat yang hadir memeriahkan program tersebut.

Dalam pada itu, Rais turut menyeru setiap lapisan masyarakat agar sentiasa memberi sokongan kepada perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memacu negara dalam pelbagai aspek.

Katanya Perdana Menteri pada Sabtu lepas telah membentangkan manifesto Barisan Nasional yang inti patinya difokuskan kepada kepentingan segenap lapisan masyarakat seluruh negara.

Dalam majlis tersebut, Rais turut menyampaikan hadiah kepada beberapa pemenang ikon bagi beberapa kategori antaranya Jiran Peramah Jiran Prihatin, Ibu Tunggal Berjaya dan Belia Berjaya.

Program Kenali Jiran Kita merupakan anjuran Kementerian Penerangan Komunikasi dan

Kebudayaan diadakan seluruh negara bertujuan memupuk semangat kejiwaan dalam kalangan anggota masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Selain itu, program itu juga dapat memantapkan nilai murni dan hormat-menghormati agar sentiasa menjadi amalan sehingga ke generasi akan datang.

Antara pengisian program itu termasuklah aktiviti gunting rambut amal, cuci kereta amal dan gotong-royong memasak untuk majlis kenduri secara kampung.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940546>